

03 SEP 2000

RAKYAT BANGGA ANUGERAH KECEMERLANGAN KEPADA DR MAHATHIR, KATA CUEPACS

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Anugerah kecemerlangan yang diterima oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam daripada sebuah pertubuhan kewangan terkemuka di Amerika Syarikat merupakan satu kebanggaan kepada rakyat, kata Cuepacs.

Presidennya N.Siva Subramaniam berkata rakyat daripada semua kaum dan agama harus merasa bangga dengan anugerah yang diterima oleh Perdana Menteri itu.

"Kita yakin Malaysia akan terus maju di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir" katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Perdana Menteri menerima anugerah "Lifetime Achievement Award 2000" daripada America Finance House-Lariba, di Pusat Kebudayaan Islam Greater Chicago, Northbrook, Illinois, semalam.

Dr Mahathir merupakan tokoh pertama di dunia yang diberi penghormatan menerima anugerah itu sejak Lariba ditubuhkan pada 1987.

Ia hanya dianugerahkan kepada tokoh terbilang antarabangsa yang berjasa dan memberi sumbangan cemerlang ke arah kemajuan dunia Islam sejagat.

-- BERNAMA

NZ NZ MAI